

Tahap Grit dalam Kalangan Guru di Negeri Johor

Badaruddin Ibrahim
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
E-mail: badar@uthm.edu.my

Hazlie Firdaus Hassan
Kolej Vokasional Kluang
E-mail: dauzahahmad2015@gmail.com

Ruhiana Idayu Abd Hamid
Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Gading, Batu Pahat
E-mail: ruhianaidayu78@gmail.com

Mohd Asri Md Sulaiman
Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Gading, Batu Pahat
E-mail: suziasri4f@gmail.com

Nurul Haerani Mohamad
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
E-mail: haeranimohamad@gmail.com

Abstract

Teachers' profession these days is a challenging profession because teachers not only need to carry out substantive as educators but saddled with side tasks. Hence, this study is conducted to identify grit levels among teachers in Malaysia to ensure quality effectiveness and retention of work performance for long-term goals. Respondents of the study consisted of 296 teachers from different school categories, national primary schools, national secondary schools and vocational colleges. Overall, the results of the study showed that the mean grit score of the respondents was 4.04 (most gritty). The study on the differences in grit level among teachers based on the teaching field showed that there was no statistically significant difference. The respondents' mean score of the grit level differences among the teachers based on the level of teaching showed that there were statistically significant differences with $p = 0.017$. In conclusion, the results of the findings expected to create awareness regarding the importance of grit to educators in order to measure the quality of their work performance and retention.

Keywords: Grit, teachers' performance, vocational college

Abstrak

Profesion guru pada hari ini merupakan satu profesion yang mencabar kerana guru bukan sahaja perlu menjalankan tugas hakiki sebagai pendidik malahan dibebani dengan tugas-tugas sampingan. Justeru, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti tahap grit dalam kalangan guru di Malaysia bagi memastikan keberkesanan kualiti dan pengekalan prestasi kerja untuk matlamat jangka panjang. Responden kajian terdiri daripada 296 orang guru dari kategori sekolah yang berbeza iaitu sekolah rendah kebangsaan, sekolah menengah kebangsaan dan kolej vokasional. Secara keseluruhan, hasil kajian menunjukkan skor min grit responden ialah 4.04 (*most gritty*). Kajian terhadap perbezaan tahap grit dalam kalangan guru berdasarkan bidang pengajaran pula menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik. Skor min grit responden untuk perbezaan tahap grit dalam kalangan guru berdasarkan peringkat pengajaran pula menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik dengan nilai $p=0.017$. Kesimpulannya, hasil

dapatan kajian diharapkan dapat memberi kesedaran berkenaan kepentingan grit kepada golongan pendidik agar dapat mengukur kualiti dan pengekal prestasi kerja mereka.

Kata Kunci: *Grit*, prestasi guru, Kolej Vokasional

1.0 Pengenalan

Profesion keguruan adalah satu profesion yang mencabar kerana guru bukan sahaja menjalankan tugas hakiki sebagai pendidik malahan dibebani dengan tugas-tugas sampingan yang lain. Tekanan yang dihadapi oleh guru-guru mula menyebabkan tanggungjawab untuk mendidik menjadi sesuatu yang membebankan, tidak menyeronokkan dan tidak memberikan kepuasan dalam bekerjaya. Faktor-faktor jantina guru, tahap pendidikan, tempat mengajar, pengalaman mengajar, pengalaman mengajar opsyen. Faktor-faktor ini mungkin mempengaruhi tahap profesion guru. 'Grit' adalah salah satu teori terkini dalam kajian Psikologi Positif yang menekankan dua aspek penting dalam pengekal prestasi kejayaan dalam mencapai matlamat hidup seseorang individu iaitu ketekunan usaha dan konsistensi minat (Duckworth, Peterson, Matthews, & Kelly, 2007). Pengekal prestasi kerja untuk matlamat jangka panjang bagi seseorang guru ialah isu penting yang memerlukan tumpuan di setiap institusi pendidikan ini adalah elemen penting yang telah dikenal pasti sebagai faktor utama dalam menentukan kejayaan dan keberkesanan sesuatu organisasi.

Perubahan dan perkembangan dunia hari ini dalam pelbagai disiplin menuntut setiap individu sentiasa memandang jauh ke hadapan. Sektor pendidikan di negara kita sedang berubah secara dinamis dan dikira akan mengalami banyak perubahan dan pembaharuan menjelang abad ke-21. Matlamat menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan di rantau Asia dan di peringkat antarabangsa memerlukan negara meningkatkan kecemerlangan imej dan kualiti pendidikannya ke taraf dunia atau memperoleh status pendidikan bertaraf dunia. Pendidikan bertaraf dunia menunjukkan perkembangan dan kemajuan pesat serta dinamis pendidikan negara khususnya dari segi kualiti, kuantiti, standard, kecemerlangan dan kredibiliti yang diakui dan diterima di peringkat antarabangsa. Oleh yang demikian, kerajaan Malaysia telah berusaha keras bagi merealisasikan hasrat tersebut menerusi anjakan keempat, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 iaitu mentransformasikan keguruan menjadi profesion pilihan. Peningkatan profesionalisme dan kualiti guru harus diutamakan bagi mencapai matlamat PPPM 2013-2025. Justeru itu, Program Pensiswazahan Guru PPG merupakan salah satu usaha Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dalam menghasilkan guru-guru yang berkualiti dan berkaliber. Namun, dengan kos perbelanjaan RM 1.4 bilion yang dikeluarkan oleh kerajaan Malaysia, sejauh manakah program PPG ini mencapai takat kualiti yang disasarkan oleh KPM?

Berdasarkan pada situasi pendidikan masa kini yang sentiasa mengalami perubahan, dan harapan masyarakat terhadap institusi pendidikan, maka adalah perlu usaha-usaha digembeling ke arah meningkatkan mutu di institusi pendidikan. Keperluan guru sebagai pelaksana di institusi pendidikan harus diberi perhatian selari dengan

bebanan tugas dan kelayakan mereka. Tugas guru tidak terbatas kepada mendidik, tetapi juga dibebani dengan tugas-tugas sampingan yang boleh mendatangkan stres. Situasi begini jelas berlaku terutamanya dalam kalangan guru teknikal di mana berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Ariff, Mansor dan Yusof (2016) menunjukkan tahap stres dalam kalangan guru teknikal lebih tinggi berbanding guru sekolah menengah harian biasa. Hal ini disebabkan oleh bebanan kerja lebih masa yang walhal purata gaji yang sama dengan guru sekolah menengah harian biasa. Oleh yang demikian semangat yang kuat dengan sifat keperibadian yang tabah dan tekun dalam menjalankan tugas sebagai seorang guru amatlah dititikberatkan dalam mengekalkan prestasi profesion guru terutamanya dalam kalangan guru teknikal. Duckworth (2007) menyatakan bahawa 'grit' membolehkan seseorang untuk bekerja keras dalam menghadapi tentangan, mempertahankan usaha dan minat sepanjang tahun meskipun kegagalan, kesulitan terjadi atau tanpa adanya kemajuan. Duckworth (2007) memperkenalkan konsep 'grit' yang didefinisikan sebagai kecenderungan untuk mempertahankan ketekunan dan semangat untuk tujuan jangka panjang yang mencabar. Dalam konsep 'grit', terdapat dua hal penting, iaitu konsistensi minat dan ketekunan usaha.

Selain itu, dalam merealisasikan keinginan negara untuk membentuk sebuah negara industri di Malaysia guru aliran teknikal berdepan dengan masalah dan kesediaan dalam memastikannya tercapai. Mereka perlu mengubah dan menambah baik sistem pendidikan mereka terutama bagi sekolah aliran teknikal. Oleh yang demikian, pihak institusi yang menghasilkan pendidik aliran teknikal perlu memainkan peranan dalam melahirkan guru yang berketerampilan, berpengetahuan, bersahsiah, berakhlak mulia, bersikap positif berdedikasi. Malah, peranan guru Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) tidak terhad kepada melahirkan insan yang mempunyai kemahiran dari segi teknik dan vokasional, juga dari segi kemahiran insaniah seperti kemahiran berbahasa, berkomunikasi, kreatif, bersedia menghadapi cabaran wawasan 2020 (Esa, Padil & Selamat, 2016).

Kajian yang dijalankan oleh Ahmad (2013) berkenaan kecerdasan emosi guru di sekolah teknikal sekitar Johor, Melaka dan Kedah menunjukkan tahap kecerdasan emosi guru berada pada tahap yang sederhana. Dapatan ini dapat membuktikan ketabahan dan kegigihan amat diperlukan dalam pengawalan emosi bagi mempunyai kecerdasan emosi yang baik dan menggunakannya untuk meningkatkan kualiti pengetahuan dan kemahiran bidang pengajaran. Oleh yang demikian, pihak berwajib perlu memberi perhatian yang kursus sekiranya mahu keberkesanan pengekal prestasi dalam kalangan guru teknikal untuk menjaga kualiti pengajaran bagi tempoh jangka panjang. Hal ini turut disokong oleh dapatan kajian berkaitan tahap stres yang dijalankan oleh Othman (2014) terhadap guru teknikal menunjukkan tahap stres terhadap kepuasan kerja dalam kalangan guru teknikal berada pada tahap yang tinggi. Situasi ini jelas menuntut keperluan tahap 'grit' (ketabahan dan kegigihan) yang tinggi dalam kalangan guru teknikal. Keperluan ini amat dititikberatkan demi

memastikan pengekalan keberkesanan prestasi untuk matlamat jangka panjang.

2.0 Persoalan Kajian

Secara khusus, kajian ini dijalankan bertujuan untuk menjawab soalan-soalan berikut:

- i. Apakah tahap 'grit' dalam kalangan guru di negeri Johor?
- ii. Adakah terdapat perbezaan tahap 'grit' dalam kalangan guru di negeri Johor berdasarkan bidang pengajaran?
- iii. Adakah terdapat perbezaan tahap 'grit' dalam kalangan guru di negeri Johor berdasarkan peringkat pengajaran?

3.0 Kaedah Kajian

Kajian ini merupakan kajian tinjauan dengan menggunakan pendekatan reka bentuk kuantitatif. Penyelidik telah merancang dengan teratur metodologi kajian dan strategi- strategi yang digunakan untuk mendapatkan maklumat dan data melalui kaedah-kaedah tertentu. Bahagian ini juga membincangkan dengan terperinci beberapa perkara penting dalam metodologi dan strategi yang digunakan dalam menyiapkan kajian ini, antaranya ialah:

- i. Populasi dan pensampelan
- ii. Instrumen kajian
- iii. Prosedur pengumpulan data
- iv. Teknik menganalisis data

3.1 Populasi dan Sampel Kajian

Populasi merujuk kepada sekumpulan individu, objek atau benda kejadian yang mempunyai ciri-ciri yang sama yang ingin dikaji. Menurut Rohana Yusof, (2004:105), setiap individu atau objek dalam sesuatu populasi berkemungkinan berbeza-beza dalam banyak segi, namun ianya mestilah mempunyai tidak kurang daripada satu ciri yang sama. Manakala persampelan merupakan pengambilan sebahagian pecahan daripada suatu populasi sebagai mewakili populasi tersebut. Pengkaji telah memilih populasi kajian ini dalam kalangan guru-guru di negeri Johor daripada tiga kategori sekolah iaitu sekolah rendah kebangsaan (SK), sekolah menengah kebangsaan (SMK) dan kolej vokasional (KV) di negeri Johor sekitar daerah Kluang dan Batu Pahat. Kaedah persampelan bertujuan digunakan dalam kajian ini kerana kedudukan lokasi kajian yang berdekatan antara satu sama lain, pengaruh persekitaran yang sama serta mempunyai teknik pengajaran dan pembelajaran yang lebih kurang sama. Sekolah-sekolah tersebut ialah:

- i. Sekolah Kebangsaan Seri Telok (SK)
- ii. Sekolah Kebangsaan Seri Paya (SK)
- iii. Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Gading (SMK)
- iv. Kolej Vokasional Kluang (KV)

Jadual 1 di bawah menunjukkan bilangan borang soal selidik yang diagihkan dan bilangan yang diterima mengikut kategori sekolah:

Jadual 1: Taburan borang selidik

Bil	Nama Sekolah	Bilangan Sampel
1.	Sekolah Kebangsaan (SK)	65
2.	Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK)	111
3.	Kolej Vokasional Kluang	120
	Jumlah	296

3.2 Instrumen Kajian

Edaran borang soal selidik merupakan instrumen utama kajian. Instrumen borang soal selidik ini sangat popular dan sering kali digunakan dalam kajian tinjauan kerana borang soal selidik boleh merangkumi bidang yang luas dan boleh dirangka dengan mudah mengikut kesesuaian kajian (Creswell, 2014). Melalui borang soal selidik, maklumat berkaitan responden boleh dirahsiakan. Ini membolehkan responden menjawab soalan berkenaan dengan selesa tanpa rasa risau atau bimbang. Kajian ini menggunakan borang soal selidik yang diadaptasi daripada ‘*Short Grit Scale, Grit-S*’ (Duckworth, 2009) untuk menentukan tahap grit responden. Instrumen sedia ada ini telah dialih bahasa daripada Bahasa Inggeris (asal) ke Bahasa Melayu tanpa mengubah struktur makna ayat bagi memudahkan responden dari pelbagai latar belakang menjawab borang soal selidik ini. Proses alih bahasa ini melibatkan tiga peringkat di mana proses ini dilaksanakan oleh pakar-pakar dalam bidang Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Tiga peringkat alih bahasa tersebut ialah :

- i. Bahasa Inggeris ke Bahasa Melayu (2 orang pakar)
- ii. Bahasa Melayu ke Bahasa Inggeris (1 orang pakar)
- iii. Bahasa Inggeris ke Bahasa Inggeris (1 orang pakar)

Pada akhir kajian, *back to back translation* telah dilakukan iaitu antara instrumen dalam Bahasa Inggeris yang telah dialih bahasa dengan instrument asal (*‘Short Grit Scale, Grit-S’* oleh Duckworth, 2009). Tujuan *back to back translation* adalah untuk menguji tahap kesamaan (*similarity*) antara instrumen yang menggunakan bahasa asal dengan instrumen yang telah dialih bahasa. Berdasarkan proses alih bahasa ini, pakar mengesahkan tahap kesamaan antara keduanya ialah 80%. Ini menunjukkan tahap kesamaan antara instrumen yang dialih bahasa dengan instrumen asal adalah tinggi.

3.3 Prosedur Pengumpulan dan Analisis Data

Sebelum menjalankan kajian di sesuatu populasi, pengkaji telah meminta kebenaran untuk menjalankan kajian tersebut daripada pengetua dan guru besar di empat buah sekolah yang telah dinyatakan. Pengkaji juga memaklumkan bahawa bentuk kajian adalah soal selidik. Pengetua dan guru besar memberikan pengkaji tempoh masa yang bersesuaian untuk menjalankan kajian ini. Tiada had masa ditetapkan untuk responden menjawab soal selidik ini. Responden juga diberi peluang untuk bertanya sekiranya terdapat soalan yang kurang jelas atau tidak difahami.

Data dianalisis menggunakan perisian *IBM Statistical Package for the Social Science (SPSS)* versi 22 berdasarkan prosedur statistik deskriptif dan

inferensi dengan mengambil kira nilai kekerapan, peratusan, skor min serta sisihan piawai. Pembangunan instrumen kajian 'grit' dan prestasi guru yang meliputi beberapa tahap, bermula daripada kajian literatur hingga kepada pembentukan instrumen bagi mengukur tahap kualiti dan prestasi guru di Malaysia ini berdasarkan dapatan daripada Grit-S yang diedarkan kepada sampel kajian.

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik yang diadaptasi dari 'Short Grit Scale, (Grit-S)' oleh Angela Duckworth & Christopher Peterson dengan kebolehpercayaan $\alpha = 0.85$ dan pekali kesahan dari 0.44 - 0.82 (Duckworth, *et al.*, 2007). Grit-S mempunyai 8 item soalan dengan 5 pilihan jawapan; Sangat Bukan menyerupai saya (1), Bukan seperti saya (2), Mungkin seperti saya (3), Seperti saya (4) dan Sangat menyerupai saya (5). Selepas responden menjawab setiap item, jawapan akan dianalisis berdasarkan panduan Grit-S dan dikelaskan dari kategori tinggi kepada rendah seperti dalam Jadual 2 dan 3:

Jadual 2: Jadual skor bagi soalan no 2, 4, 7 dan 8

Skor	Butiran
5	Sangat menyerupai saya
4	Seperti saya
3	Mungkin seperti saya
2	Bukan seperti saya
1	Sangat bukan menyerupai saya

Jadual 3: Jadual skor bagi soalan no 1, 3, 5 dan 6

Skor	Butiran
1	Sangat menyerupai saya
2	Seperti saya
3	Mungkin seperti saya
4	Bukan seperti saya
5	Sangat bukan menyerupai saya

Bagi mendapatkan nilai skor min grit, jumlah tambah semua skor perlu dibahagikan dengan 8. Jumlah skor maksimum yang boleh diperoleh adalah 5 (*Extremely gritty*) dan jumlah skor minimum adalah pada skala 1 (*Not at all gritty*). Perincian skor yang diperoleh responden adalah seperti dalam Jadual 4 berikut:

Jadual 4: Perincian skor min grit

Skor	Butiran
5	Extremely gritty
4	Most gritty
3	Somewhat gritty
2	Not much gritty
1	Not at all gritty

4.0 Analisa Data

Bagi tujuan analisis dapatan kajian, pengkaji telah menggabungkan jumlah responden dari kedua-dua sekolah kerana jumlah responden yang terhad dari sekolah rendah Kebangsaan (SK) iaitu 44 responden dari Sekolah Kebangsaan Seri Telok (SK) dan 21 responden Sekolah Kebangsaan Seri Paya (SK). Pengkaji juga telah memilih responden kajian dalam kalangan guru-guru di negeri Johor berdasarkan tiga kategori sekolah iaitu sekolah rendah kebangsaan (SK), sekolah menengah kebangsaan (SMK) dan kolej vokasional (KV) di negeri Johor sekitar daerah Kluang dan Batu Pahat.

4.1 Tahap Grit Dalam Kalangan Guru

Responden guru perempuan (63.2%) didapati lebih banyak berbanding guru lelaki (36.5%). Keadaan ini adalah fenomena yang menunjukkan bahawa golongan wanita adalah yang paling ramai terlibat dalam profesional perguruan. Jadual 5 menunjukkan skor grit bagi kedua-duanya terdapat sedikit perbezaan dengan guru perempuan (min=4.05, SD=0.709) manakala guru lelaki ialah 4.02 (SD=0.749). Walaupun ada perbezaan, kedua-duanya menunjukkan tahap grit adalah *most gritty* (baik).

Jadual 5: Skor grit guru mengikut jantina

Jantina Responden	Mean	N	Std. Deviation	Skewness	Kurtosis
Lelaki	4.0185	108	.74860	-.711	1.516
Perempuan	4.0535	188	.70887	-.809	2.399
Total	4.0405	296	.72138	-.770	2.005

Jadual 6 menunjukkan skor grit guru mengikut tahap pendidikan responden. Terdapat 3 tahap pendidikan responden yang terlibat dalam kajian ini iaitu diploma, sarjana muda dan sarjana. Responden dengan tahap pendidikan sarjana seramai 20 orang telah mencatatkan skor min tertinggi iaitu 4.3 (SD=0.657). Ini diikuti oleh responden dengan tahap pendidikan sarjana muda iaitu 262 orang dengan skor min 4.03 (SD=0.713). Skor min terendah dicatatkan oleh responden yang mempunyai tahap pendidikan diploma iaitu 3.79 (SD=0.893). Sungguhpun begitu, skor yang dicatatkan iaitu 3.79 masih lagi tinggi iaitu menghampiri nilai 4 (*most gritty*).

Jadual 6: Skor grit guru mengikut tahap pendidikan

Tahap Pendidikan Responden	Mean	N	Std. Deviation	Skewness	Kurtosis
Diploma	3.7857	14	.89258	-.278	-.327
Sarjana Muda	4.0344	262	.71302	-.817	2.405
Sarjana	4.3000	20	.65695	-.396	-.547
Total	4.0405	296	.72138	-.770	2.005

Jadual 7 menunjukkan skor grit guru mengikut bidang pengajaran. Opsyen kategori diwakilkan 1 hingga 4. Opsyen 1 mewakili bidang bahasa, opsyen 2 mewakili bidang sains sosial, opsyen 3 mewakili bidang sains &

Matematik manakala opsyen 4 mewakili bidang teknik & vokasional. Berdasarkan analisis yang dijalankan, opsyen kategori 1 dan 4 iaitu bidang bahasa dan teknik & vokasional menunjukkan nilai min 4.03 (SD=0.831) dan 4.14 (SD=0.650) iaitu *most gritty*. Manakala untuk opsyen 2 & 3 iaitu bidang sains sosial dan sains & matematik, nilai min masing-masing ialah 3.91 (SD=0.563) dan 3.92 (SD=0.865). Walau bagaimanapun, nilai-nilai tersebut menghampiri 4, iaitu *most gritty*.

Jadual 7: Skor grit guru mengikut bidang pengajaran

Opsyen Kategori	Mean	N	Std. Deviation	Skewness	Kurtosis
Bahasa	4.0250	40	.83166	-1.174	3.094
Sains Sosial	3.9091	44	.56314	-.034	.297
Sains dan Matematik	3.9242	66	.86488	-1.028	2.243
Teknik & Vokasional	4.1370	146	.64999	-.294	-.028
Total	4.0405	296	.72138	-.770	2.005

Jadual 8 pula menunjukkan skor grit yang diperoleh mengikut kategori sekolah. Skor grit yang dicatatkan oleh sekolah kebangsaan (SK) ialah 3.97 (SD=0.529), sekolah menengah kebangsaan (SMK) (min=3.93, SD=0.817) dan kolej vokasional (KV) (min=4.18, SD=0.698). Bacaan min tertinggi dicatatkan oleh kolej vokasional (KV) iaitu 4.18 (SD=0.698). Ini menunjukkan tahap grit dalam kalangan guru di peringkat pengajaran kolej vokasional adalah *most gritty*.

Jadual 8: Skor grit guru mengikut sekolah

Nama Sekolah	Mean	N	Std. Deviation	Skewness	Kurtosis
SK	3.9692	65	.52942	-.037	.755
SMK	3.9279	111	.81700	-1.088	2.718
KV	4.1833	120	.69794	-.418	-.307
Total	4.0405	296	.72138	-.770	2.005

Jadual 9 menunjukkan skor grit guru secara keseluruhan. Didapati skor grit guru adalah 4.04 dengan nilai *standard deviation* 0.72. Berdasarkan ujian normality yang dijalankan, didapati bahawa taburan data adalah tidak normal dengan bacaan skewness -0.77 dan kurtosis +2.00. Maka, analisis non parametrik lebih sesuai digunakan.

Jadual 9: Skor grit guru

	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation	Skewness		Kurtosis	
	Statistic	Statistic	Statistic	Statistic	Statistic	Statistic	Std. Error	Statistic	Std. Error
GRIT Score	296	1.00	5.00	4.0405	.72138	-.770	.142	2.005	.282
Valid N	296								

4.2 Perbezaan Tahap Grit dalam Kalangan Guru di Malaysia Berdasarkan Bidang Pengajaran

Untuk menganalisis perbezaan tahap grit berdasarkan bidang pengajaran, analisa ANOVA (*Analysis of Variance*) telah dijalankan. Jadual 10 menunjukkan skor grit guru mengikut bidang pengajaran. Opsyen bidang pengajaran diwakili 1 hingga 4. Opsyen bidang 1 mewakili bidang bahasa, opsyen bidang 2 mewakili bidang sains sosial, opsyen bidang 3 mewakili bidang sains & Matematik manakala opsyen bidang 4 mewakili bidang teknik & vokasional.

Jadual 10: Skor grit guru mengikut bidang pengajaran

	N	Mean	Std. Deviation	Std. Error	95% Confidence Interval for Mean		Minimum	Maximum
					Lower Bound	Upper Bound		
1.00	40	4.0250	.83166	.13150	3.7590	4.2910	1.00	5.00
2.00	44	3.9091	.56314	.08490	3.7379	4.0803	3.00	5.00
3.00	66	3.9242	.86488	.10646	3.7116	4.1369	1.00	5.00
4.00	146	4.1370	.64999	.05379	4.0307	4.2433	2.00	5.00
Total	296	4.0405	.72138	.04193	3.9580	4.1231	1.00	5.00

Jadual 11: Skor analisis ANOVA

	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Between Groups	3.021	3	1.007	1.954	.121
Within Groups	150.493	292	.515		
Total	153.514	295			

Berdasarkan Jadual 11, nilai F ialah 1.96 dan nilai p ialah 0.121. Kesimpulannya, tidak terdapat perbezaan yang significant secara statistik untuk tahap grit dalam kalangan guru berdasarkan bidang pengajaran. Ini kerana, nilai p adalah lebih tinggi daripada 0.05.

4.3 Perbezaan Tahap Grit dalam Kalangan Guru di Malaysia Berdasarkan Peringkat Pengajaran

Bagi menganalisis perbezaan tahap grit berdasarkan peringkat pengajaran, teknik yang sama juga digunakan iaitu analisa ANOVA (*Analysis of Variance*). Jadual 12 menunjukkan skor grit guru mengikut peringkat pengajaran.

Jadual 12: Skor grit guru mengikut peringkat pengajaran

	N	Mean	Std. Deviation	Std. Error	95% Confidence Interval for Mean		Minimum	Maximum
					Lower Bound	Upper Bound		
SK	65	3.9692	0.52942	0.06567	3.838	4.1004	3	5
SMK	111	3.9279	0.817	0.07755	3.7742	4.0816	1	5
KV	120	4.1833	0.69794	0.06371	4.0572	4.3095	2	5
Total	296	4.0405	0.72138	0.04193	3.958	4.1231	1	5

Jadual 13: Skor analisis ANOVA

	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Between Groups	4.185	2	2.092	4.106	.017
Within Groups	149.329	293	.510		
Total	153.514	295			

Berdasarkan Jadual 13, nilai F ialah 4.11 dan nilai p ialah 0.017. Kesimpulannya, terdapat perbezaan yang significant secara statistik untuk tahap grit dalam kalangan guru berdasarkan peringkat pengajaran. Ini kerana, nilai p yang diperoleh adalah lebih rendah daripada 0.05. Berdasarkan ujian normality yang dijalankan (Jadual 9), didapati bahawa taburan data adalah tidak normal dengan bacaan skewness -0.77 dan kurtosis +2.00. Maka, pada peringkat awal analisis non-parametrik difikirkan lebih sesuai untuk digunakan. Walau bagaimanapun, setelah membuat beberapa justifikasi, pengkaji memilih untuk meneruskan dengan ujian parametrik. Antara justifikasi yang dipertimbangkan ialah:

- i. Sampel kajian adalah besar iaitu 296 orang.
- ii. Anggapan bahawa ujian parametrik adalah lebih baik berbanding ujian non-parametrik. Secara umumnya, ujian parametric mengukur nilai min. Manakala ujian non-parametric pula lebih baik bagi menganalisis nilai median.
- iii. Taburan sampel yang tidak sekata (*unequal distribution*). Terdapat 3 kategori sekolah yang dipilih untuk kajian ini iaitu sekolah kebangsaan (SK), sekolah menengah kebangsaan (SMK) dan kolej vokasional (KV). Jumlah responden bagi setiap sekolah ialah 65, 111 dan 120 orang. Kesimpulannya, analisis ANOVA adalah yang paling sesuai digunakan untuk menentukan adakah terdapat perbezaan min antara 3 atau lebih kumpulan.

Walaupun bagaimanapun, pengkaji telah menjalankan ujian non-parametric juga. Ini bertujuan untuk melihat perbandingan antara keduanya. Daripada ujian non-parametric yang dibuat, didapati nilai F dan p untuk kedua-dua ujian adalah sama dengan nilai F dan p yang diperoleh daripada ujian parametric. Kesimpulannya, justifikasi yang dibuat oleh pengkaji adalah relevan dan sesuai untuk kajian ini.

5.0 Kesimpulan

Menerusi dapatan kajian dalam Jadual 6, skor min grit guru mengikut tahap pendidikan adalah berbeza. Didapati skor min grit untuk responden dengan tahap pendidikan diploma adalah rendah berbanding responden dengan tahap pendidikan sarjana muda. Ini mungkin disebabkan faktor tekanan dan beban kerja guru-guru diploma. Kebanyakan guru dengan tahap pendidikan diploma mengajar di sekolah rendah. Seperti yang kita sedia maklum, pelajar-pelajar di sekolah rendah kurang matang dan kurang berpengalaman. Justeru cikgu memainkan peranan penting bukan sahaja mengajar dan mendidik malah mengurus urusan harian pelajar seperti membantu pelajar menyusun buku, menghias kelas, mengurus diri dan membeli keperluan harian di koperasi sekolah. Ini menambah beban kerja guru yang sememangnya sudah terbeban dengan tugas mengajar, hal-hal kokurikulum dan kerja-kerja perkeranian.

Menurut Hassan, Yusoff dan Alavi (2017), punca stress berkait rapat dengan masalah rumahtangga dan sosial. Melalui pembacaan, didapati terdapat tiga punca stres yang dominan berlaku dalam kalangan guru. Tiga punca stress itu ialah bebanan kerja, hubungan interpersonal dan masalah pelajar. Ishah (2015) telah membuat kajian ke atas 75 orang guru sekolah menengah di daerah Hulu Langat, Selangor mendapati 56 peratus atau 42 responden mengakui pekerjaan mereka menyebabkan stres yang tinggi. Justeru itu, Dodge, D. dan Martin (1993) juga telah menggunakan kajian yang sama ke atas guru-guru sekolah menengah di Malta dan mendapati bahawa 50 peratus responden mengalami tahap stres yang sederhana, 30.7 peratus pada tahap rendah dan 15 peratus responden beranggapan bahawa pekerjaan mereka mendatangkan stress yang tinggi. Berdasarkan dapatan beberapa kajian tersebut, dapat dibuat kesimpulan bahawa skor min grit mengikut tahap pendidikan yang diperolehi daripada kajian ini adalah relevan.

Objektif ketiga kajian ini ialah untuk mengenal pasti perbezaan tahap grit berdasarkan peringkat pengajaran. Daripada dapatan kajian, didapati terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik untuk tahap grit dalam kalangan guru berdasarkan peringkat pengajaran. Skor grit yang dicatatkan oleh kolej vokasional (KV) menunjukkan skor tertinggi berbanding dua jenis sekolah yang lain. Ini menunjukkan guru-guru kolej vokasional (KV) menunjukkan minat yang mendalam terhadap tugas mereka. Mereka juga mempunyai komitmen untuk bertahan bagi mencapai matlamat masing-masing. Walau bagaimanapun, Noor, Omar dan Hussein (2017) melalui kajiannya mendapati tahap stres dalam kalangan guru teknikal lebih tinggi berbanding guru sekolah menengah harian biasa. Hal ini disebabkan oleh bebanan kerja lebih masa walaupun menerima purata gaji yang sama dengan guru sekolah menengah harian biasa. Sungguhpun begitu, kajian di Kolej Vokasional Kluang menunjukkan dapatan sebaliknya. Kajian mendapati tahap grit guru-guru di Kolej Vokasional Kluang adalah lebih baik berbanding dengan sekolah lain. Hal ini mungkin disebabkan oleh budaya dan sistem kerja yang berbeza berbanding dengan sekolah harian yang lain.

Sebagai salah sebuah kolej rintis antara sembilan buah kolej vokasional di seluruh negara, wakil kolej vokasional (KV) iaitu Kolej Vokasional Kluang tidak mempunyai masalah kekurangan guru. Malah enrolmen guru mengikut subjek adalah mengikut standard yang ditetapkan. Setiap modul yang diajar telah menggunakan pakai sistem *pairing* di mana setiap modul diajar oleh dua orang guru. Tambahan lagi, tinjauan mendapati enrolmen pelajar di KV Kluang menunjukkan setiap kelas tidak melebihi 30 orang pelajar. Terdapat juga kelas yang hanya mempunyai sekitar 15 hingga 25 orang pelajar sahaja. Justeru, keadaan ini menunjukkan bebanan tugas guru di KV Kluang dapat diminimumkan. Selain itu, peranan pentadbir di KV Kluang dilihat sangat berkesan dalam mewujudkan hubungan baik antara pentadbir dan staf. Pembahagian tugas yang adil dan budaya kerja positif yang diterap kepada guru-guru membolehkan setiap guru mengetahui peranan dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan. Guru-guru turut diberi peluang mengikuti kursus-kursus dan latihan dalam meningkatkan tahap profesionalisme dan persediaan mengajar dalam memastikan mereka menguasai kurikulum dengan baik. Secara tidak langsung, guru-guru tidak menghadapi masalah stres kerana bekerja dalam persekitaran yang kondusif dan sihat.

Melalui persoalan kajian yang ketiga, dapatan menunjukkan bahawa tiada perbezaan tahap grit dalam kalangan guru berdasarkan bidang pengajaran. Dapatan ini selari dengan pendapat beberapa penyelidik yang mengatakan bahawa pengalaman stress guru adalah tidak sama antara satu sama lain (Schonfeld & Bianchi, 2016; Mangkunegara & Puspitasari, 2015; Kyriacou & Sutcliffe, 1979). Maka kajian untuk membandingkan tahap grit guru berdasarkan bidang pengajaran mungkin kurang sesuai. Kesimpulannya, hasil kajian ini diharapkan dapat memberi kesedaran berkenaan kepentingan grit kepada pendidik, sekolah dan Kementerian Pelajaran dalam merealisasikan dan memurnikan anjakan ke 4, PPPM 2013-2025 iaitu untuk mentransformasikan profesion keguruan menjadi pilihan jangka panjang.

Rujukan

- Ahmad, H. (2013). *Kecerdasan Emosi Dalam Kalangan Guru Sekolah Menengah Teknik Kementerian Pendidikan Malaysia Berdasarkan Model Dulewicz Dan Higg's* (Doctoral Dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).
- Ariff, N., Mansor, M., & Yusof, H. (2016). Availability of Novice Teacher Professionalism: A Content Analysis. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 6(12), 353-373.
- Creswell, J. W. (2014). *A concise introduction to mixed methods research*. Sage Publications.

- Dodge, D. & Martin (1993 dalam Anuar Mohd Som 2000). Tahap dan punca stres di kalangan guru-guru elektrik sekolah menengah teknik, negeri Johor (Tesis Sarjana Muda). Universiti Teknologi Malaysia.
- Duckworth, A. L. & Quinn, P. D. (2009). Development and validation of the Short Grit Scale (Grit-S). *Journal of Personality Assessment*, 91, 166-174.
- Duckworth, A. L., Peterson, C., Matthews, M. D. & Kelly, D. R. (2007). Grit: Perseverance and passion for long term goals. *Journal of Personality and Social Psychology*, 9, 10087-1101.
- Esa, A., Padil, S., & Selamat, A. (2016). Kemahiran Insaniah dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran pada Program Kejuruteraan di Politeknik Malaysia. *ATIKAN*, 3(2).
- Hassan, A., Yusoooff, F., & Alavi, K. (2017). Keluarga sihat melahirkan komuniti sejahtera: Satu ulasan (A healthy family generates prosperous community: An overview). *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 8(5).
- Ishak, A. H. (2015). *Burnout dan tekanan kerja di kalangan guru: satu kajian terhadap guru-guru sekolah menengah daerah Hulu Langat* (Doctoral dissertation, Universiti Pendidikan Sultan Idris).
- Kyriacou, C. & Sutcliffe, J. (1979). Teacher Stress: Directions for Future Research. *Journal of Occupational Psychology*, 52, 227-228.
- Mangkunegara, A. A. P., & Puspitasari, M. (2015). Kecerdasan emosi guru, stres kerja, dan kinerja guru SMA. *Jurnal Kependidikan: Penelitian Inovasi Pembelajaran*, 45(2).
- Noor, M. F. M., Omar, M. S., & Hussin, F. (2017). Hubungan iklim sekolah dan stres guru sekolah menengah di daerah Kuala Nerus, Terengganu. *Proceedings of the ICECRS*, 1(1).
- Othman, N. M. (2014). *Pengaruh tahap stres terhadap kepuasan kerja dalam kalangan pengajar kolej vokasional di Negeri Pahang* (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).
- Schonfeld, I. S., & Bianchi, R. (2016). Burnout and depression: two entities or one?. *Journal of Clinical Psychology*, 72(1), 22-37.